

**MSU Mampu Sumbang Lebih Ramai Pakar Dan Tenaga Kerja Berkemahiran Tinggi
Bernama
07 Julai, 2012**

SHAH ALAM, 7 Julai (Bernama) -- Universiti Pengurusan dan Sains (MSU) mampu menyumbang dalam melahirkan lebih ramai pakar, ahli profesional dan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang boleh berjaya dalam pasaran kerja yang kompetitif di peringkat global, selaras dengan dasar pendidikan tinggi negara.

Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah bertitah pada hemat baginda, negara akan kerugian besar jika potensi modal insan yang ada ini tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

Bertitah pada majlis Konvokesyen ke-11 MSU di sini hari ini, Tuanku Hajah Haminah yang juga Canselor MSU, mengalu-alukan pelan perancangan strategik MSU berkolaborasi dengan lebih 40 rakan universiti antarabangsa bagi menyokong agenda melihat Malaysia menjadi hab pengajian tinggi pada peringkat serantau dan antarabangsa.

"Beta berharap pengukuhan program-program seumpama ini oleh MSU akan membawa banyak manfaat kepada MSU khasnya dan negara amnya," titah baginda.

Baginda bertitah MSU telah melaksanakan usaha-usaha berterusan seperti penawaran program-program baharu yang mempunyai nilai rantai ekonomi yang tinggi iaitu bidang sains kesihatan, kejuruteraan, kewangan dan perbankan Islam serta hospitaliti dan pelancongan.

Pada majlis konvokesyen itu, 756 graduan menerima diploma dan ijazah masing-masing dalam 39 bidang pengajian.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678784>